



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
JUN 2026



TANGGUNGJAWAB MENJAGA KELESTARIAN ALAM SEKITAR

26 JUN 2026M | 10 MUHARAM 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Islam ialah agama yang sempurna dan menyeluruh. Islam bukan sahaja mengajar hubungan manusia dengan Allah ﷻ dan sesama manusia, bahkan turut mengajar adab manusia terhadap alam sekitar. Bumi ini diciptakan oleh Allah ﷻ bukan untuk dirosakkan, tetapi untuk dipelihara dan dimakmurkan dengan penuh amanah.

Firman Allah ﷻ dalam surah al-Baqarah ayat 30:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.”*

Ayat ini menjelaskan bahawa manusia diciptakan sebagai khalifah yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menjaga bumi dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, perbuatan seperti membuang sampah merata-rata, mencemarkan sungai dan mengabaikan kebersihan awam adalah bertentangan dengan amanah yang diberikan oleh Allah ﷻ.



Allah ﷻ juga berfirman dalam surah al-A‘raf ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ

قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Yang bermaksud: “Dan janganlah pula kamu melakukan kerusakan di atas muka bumi sesudah Allah telah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan dengan perasaan berharap (supaya dimakbulkan). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat dengan orang yang memperbaiki amalannya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Kebersihan merupakan antara prinsip penting dalam Islam. Rasulullah ﷺ bersabda dalam hadis riwayat Imam Muslim:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

Yang bermaksud: “Kebersihan itu sebahagian daripada iman.”



Hadis ini menunjukkan bahawa kebersihan bukan sekadar urusan peribadi, tetapi mencerminkan tahap iman dan akhlak seseorang Muslim. Sebab itu, Islam mendidik umatnya supaya menjaga kebersihan diri, rumah, masjid, jalan raya dan seluruh persekitaran.

Namun realiti hari ini amat mendukacitakan. Masih terdapat segelintir masyarakat yang memandang ringan soal kebersihan dengan membuang sampah di jalan raya, longkang, taman permainan, pantai, sungai dan tempat awam tanpa rasa bersalah. Sikap ini bukan sahaja mencemarkan persekitaran, malah boleh menyebabkan penyakit, banjir kilat dan menjejaskan kesejahteraan hidup masyarakat.

Lebih mendukacitakan apabila jumlah sampah yang dihasilkan setiap hari terus meningkat. Menurut statistik SWCorp pada tahun 2024, hampir 40 ribu tan sampah dihasilkan setiap hari di negara kita. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesedaran menjaga kebersihan dan amalan kitar semula masih perlu dipertingkatkan.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah

Apabila nasihat dan peringatan tidak diendahkan, maka pihak berkuasa telah memperketatkan penguatkuasaan terhadap mereka yang membuang sampah di tempat awam. Bermula 1 Januari 2026, individu yang didapati bersalah membuang sampah kecil boleh dikenakan denda sehingga RM2,000 serta Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) sebagai langkah mendidik masyarakat supaya lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan.

Hukuman seperti ini selaras dengan pendekatan Islam yang bertujuan mendidik dan memberi keinsafan agar kesalahan yang sama tidak berulang.

Namun begitu, realiti yang berlaku masih amat membimbangkan. Selepas pelaksanaan penguatkuasaan tersebut, sampah masih dibuang di jalan dan tempat awam, termasuk ketika sambutan Ambang Tahun Baharu 2026. Lebih mendukacitakan apabila sebahagian daripada mereka yang melakukan kesalahan tersebut ialah orang Islam sendiri.

Menurut laporan Ops Cegah SWCorp pada dua minggu pertama Januari 2026, ratusan operasi penguatkuasaan telah dijalankan dan pelbagai notis kesalahan dikeluarkan terhadap individu yang membuang sampah kecil di tempat awam, melibatkan rakyat tempatan, warga asing dan golongan muda. Keadaan ini menunjukkan bahawa



kesedaran menjaga kebersihan masih perlu dipertingkatkan dalam kalangan masyarakat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Dalam Islam, hukuman yang dilaksanakan oleh pemerintah untuk menjaga kepentingan masyarakat termasuk dalam kategori ta'zir, iaitu hukuman yang bertujuan mendidik, memberi peringatan dan mencegah kemudaratan. Oleh sebab itu, tindakan seperti denda atau Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) bagi kesalahan membuang sampah di tempat awam adalah selaras dengan tuntutan syarak dalam memelihara kemaslahatan umum.

Para ulama juga menegaskan bahawa segala bentuk kerosakan di muka bumi adalah perbuatan yang ditegah oleh Allah ﷻ walaupun kelihatan kecil pada pandangan manusia. Imam al-Qurtubi menjelaskan bahawa perbuatan mencemarkan alam sekitar termasuk dalam perbuatan fasad fil ardh kerana ia membawa mudarat kepada manusia, haiwan dan seluruh makhluk ciptaan Allah ﷻ.

Justeru, menjaga kebersihan dan memelihara alam sekitar bukan sekadar tanggungjawab sosial, tetapi sebahagian daripada amanah agama yang akan dipersoalkan di hadapan Allah ﷻ.



Sidang Jumaat yang dikasihi Allah ﷺ

Sebagai penutup khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil beberapa pengajaran penting untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan:

Pertama, umat Islam hendaklah menyedari bahawa menjaga kebersihan dan alam sekitar ialah sebahagian daripada amanah sebagai khalifah di muka bumi.

Kedua, setiap perbuatan yang membawa kerosakan kepada alam sekitar seperti membuang sampah merata-rata, mencemarkan sungai dan mengabaikan kebersihan awam adalah perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan boleh mendatangkan mudarat kepada masyarakat.

Ketiga, kita hendaklah membina sikap bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan diri, rumah, masjid dan tempat awam serta mendidik ahli keluarga agar mencintai kebersihan sebagai sebahagian daripada tuntutan iman.

Keempat, seluruh masyarakat hendaklah bekerjasama memelihara kelestarian alam sekitar dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan serta mengelakkan segala perbuatan yang boleh merosakkan kesejahteraan hidup manusia dan alam ciptaan Allah ﷻ.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ

مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.